

24 SEP 1999

Fomca-Pertanian

FOMCA GESA TUBUH UNIVERSITI KHUSUS UNTUK PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) menggesa kerajaan menubuhkan sebuah universiti pertanian yang khusus menumpukan kepada penyelidikan dan pengajian sektor itu.

Presidennya Prof Datuk Hamdan Adnan berkata penubuhan universiti itu boleh membantu meningkatkan pengeluaran makanan negara serta memajukan bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan mencipta jentera yang membantu mempercepatkan hasil pengeluaran pertanian.

"Satu kajian semula terhadap daya pengeluaran makanan negara patut diadakan selain memastikan negara terus mampu mengeluarkan makanan untuk keperluan sendiri," katanya kepada Bernama hari ini.

Beliau mengulas wawasan terbaru Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu memajukan sektor pertanian negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama makanan.

Rabu lalu Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mengkaji pelbagai aset negara seperti sungai, tasik, laut dan terumbu untuk digunakan bagi meningkatkan pengeluaran makanan bagi mengurangkan import yang membebankan kerajaan terutama semasa kelembapan ekonomi.

Hamdan berkata universiti itu bagi menggantikan Universiti Pertanian Malaysia yang telah ditukar nama kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) selain mencadangkan setiap institusi pengajian tinggi lain menubuhkan fakulti pertanian masing-masing.

Katanya R&D pertanian yang ketika ini hanya bergantung kepada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan UPM sahaja ternyata tidak mencukupi bagi menggunakan sepenuhnya keluasan serta kesuburan tanah di negara ini.

Menurutnya Malaysia sepatutnya mencontohi beberapa negara lain seperti Jepun, England dan Amerika Syarikat yang menjadikan sektor pertanian sebagai antara eksport utama masing-masing walaupun pada masa yang sama menjadi pengeluar utama sektor pembuatan.

"Kita terlalu menumpukan kepada sektor pembuatan sehingga terlupa kepada pengeluaran makanan sedangkan kita mempunyai tanah yang banyak untuk digunakan. Akibatnya kita terpaksa mengimport makanan hampir RM10 bilion setiap tahun," katanya.

Beliau turut mengulangi gesaannya sebelum ini supaya Kementerian Pertanian ditukar kepada Kementerian Pertanian dan Makanan selaras hasrat kerajaan memberi penekanan bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

Hamdan berkata kerajaan negeri perlu memberi kebenaran secara pajakan kepada individu untuk mengusahakan tanah terbiar serta mewajibkan kawasan perladangan dijadikan kawasan menternak lembu, kerbau dan kambing bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

Syarikat-syarikat minyak yang memajak kawasan laut untuk menjalankan kerja-kerja carigali juga perlu menjalankan kegiatan menternak ikan dalam sangkar, katanya.

-- BERNAMA

RZS LAT